

|             |   |            |                            |
|-------------|---|------------|----------------------------|
| Headline    | 10 peratus IPTS dijangka 'gulung tikar' |            |                            |
| MediaTitle  | Berita Harian Ahad                      |            |                            |
| Date        | 26 Sep 2021                             | Language   | Malay                      |
| Circulation | 56,027                                  | Readership | 168,081                    |
| Section     | Nasional                                | Page No    | 1,3                        |
| ArticleSize | 508 cm <sup>2</sup>                     | Journalist | Latifah Arifin dan Saadiah |
| PR Value    | RM 50,658                               |            |                            |
|             |   |            |                            |



# 10 peratus IPTS dijangka 'gulung tikar'

Oleh **Latifah Arifin**  
dan **Saadiah Ismail**  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hampir 10 peratus daripada 435 Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini dijangka 'gulung tikar' hujung tahun ini atau awal tahun depan jika tidak mendapat bantuan kerajaan kerana terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Jika berlaku, lebih 5,000 kakitangan IPTS terbabit akan hilang pekerjaan dan menjejaskan pengajian kira-kira 37,000 pelajar.

Pengerusi Majlis Naib-Naib Canselor Universiti Swasta, Prof Datuk Ir Dr Kamal Nasharuddin Mustapha, berkata kebanyakan IPTS ketika ini semakin tenat dan menanggung kerugian yang besar, kesan daripada penurunan pelajar secara mendadak.

Katanya, tahun lalu sebanyak 60 IPTS bersaiz kategori kecil dan sederhana terpaksa menghentikan operasi sepenuhnya disebabkan

kan terjejas teruk akibat COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), yang menjejaskan hampir 5,000 pelajar dan kira-kira 500 kakitangan.

IPTS kecil dan sederhana merujuk kepada IPTS bertaraf kolej dengan bilangan enrolmen semasa pelajar kurang 500 orang (IPTS kecil) dan 1,500 ke bawah (sederhana).

Kebanyakan IPTS ini menyediakan pengajian peringkat diploma dan segelintir menyediakan kursus lebih tinggi secara usaha sama atau francais dengan institut pengajian tinggi yang lain.

"Ketika ini, sebanyak 435 IPTS kecil, sederhana dan besar, beroperasi di seluruh negara, membatik hampir 540,000 pelajar dan 40,000 kakitangan.

"Berdasarkan kepada keadaan ketika ini, kira-kira 10 peratus daripada IPTS ini tenat dan dijangka terpaksa gulung tikar," katanya kepada *BH*.

**Nasional 3**

|             |   |            |                            |
|-------------|---|------------|----------------------------|
| Headline    | 10 peratus IPTS dijangka 'gulung tikar' |            |                            |
| MediaTitle  | Berita Harian Ahad                      |            |                            |
| Date        | 26 Sep 2021                             | Language   | Malay                      |
| Circulation | 56,027                                  | Readership | 168,081                    |
| Section     | Nasional                                | Page No    | 1,3                        |
| ArticleSize | 508 cm <sup>2</sup>                     | Journalist | Latifah Arifin dan Saadiah |
| PR Value    | RM 50,658                               |            |                            |
|             |   |            |                            |

# Sektor pendidikan swasta terjejas beri impak besar ekonomi negara

**Dari Muka 1**

Prof Kamal Nasharuddin berharap perkara itu diberi perhatian serius oleh kerajaan kerana jika sektor pendidikan swasta terjejas, ia akan memberikan impak besar kepada kerajaan, pelajar serta kakitangan.

Katanya, jumlah pelajar di IPTS pada 2019 adalah sekitar 633,344, namun menurun kepada 537,434 orang tahun lalu iaitu pengurangan seramai 95,910 orang pelajar atau 15 peratus secara keseluruhannya.

"Seorang pelajar IPTS membelanjakan kira-kira RM40,000 setahun untuk yuran pengajian dan sara hidup. Jadi, bayangkan apabila hampir 96,000 orang tidak sambung pengajian, berlaku pengurangan sebanyak RM3.8 bilion kepada ekonomi negara.

"Negara juga kehilangan pelajar antarabangsa yang majoritinya iaitu 75 peratus atau 55,732 orang berada di IPTS daripada keseluruhan pelajar antarabangsa di Malaysia.

"Disebabkan pandemik, jumlah pelajar antarabangsa turut merosot sehingga 20 peratus, sedangkan mereka menyumbang dua hingga tiga kali ganda lebih tinggi kepada ekonomi negara berbanding pelajar tempatan," katanya kepada *BH*.

Prof Kamal Nasharuddin berkata, bagaimanapun belum ada IPTS bertaraf universiti 'gulung tikar', namun COVID-19 tetap terkesan kerana penurunan kemasukan pelajar baharu.

Katanya, IPTS perlu dibantu kerana ia adalah sektor strategik dan sejak sekian lama menyumbang kepada pembangunan modal insan serta pertumbuhan ekonomi negara.

Beliau mencadangkan kerajaan memberikan insentif pengecualian cukai sepenuhnya kepada IPTS, memandangkan IPTS mengeluarkan belanja besar untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP), termasuk membeli buku rujukan akademik dan melanggan pangkalan data luar negara yang menelan

belanja jutaan ringgit, di samping geran khas untuk meningkatkan prasarana Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi melancarkan pelaksanaan PdP secara dalam talian.

"Kerajaan juga disaran menstruktur semula pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kerana ketika ini golongan B40 dan M40 semakin meningkat. Kita harap pembiayaan dapat diberikan 100 peratus kepada mereka.



**Kamal Nasharuddin Mustapha**

"Bagi pelajar baharu pula, kerajaan harus mempertimbangkan pemberian wang pendahuluan pengajian sebanyak RM1,500 kepada semua pelajar, termasuk IPTS," katanya.

Beliau yang juga Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), berkata bukan hanya IPTS berskala kecil dan sederhana yang

terkesan, malah IPTS bertaraf universiti seperti UNITEN juga terjejas.

Katanya, UNITEN mengalami penurunan pelajar baharu sebanyak 10 peratus berdasarkan rekod tahun lalu.

Sebuah lagi IPTS bertaraf universiti, Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), turut mengakui berdepan kesan akibat pandemik COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Amil Izhah Hamzah, berkata universiti itu perlu melabur kos yang lebih tinggi dalam suasana pengajian norma baharu yang kini beralih ke arah digitalisasi, walaupun setakat ini tidak berhadapan pengurangan pendapatan dan pelajar.

Presiden Persatuan Kolej Universiti Swasta Malaysia (MAPCU), Datuk Dr Parmjit Singh turut mengakui ada IPTS ditutup berikutan tidak mampu untuk menampung kos kerana jumlah pelajar menurun mendadak.

Malah, IPTS juga kehilangan ramai pelajar asing kerana tidak dapat meneruskan pengajian disebabkan pintu sempadan masih ditutup.

"Pada pendapat saya, IPTS memerlukan masa sekurang-kurangnya tiga tahun untuk pulih sepenuhnya," katanya.